



MAJLIS DAERAH GUA MUSANG
JALAN HOSPITAL, BANDAR BARU
18300 GUA MUSANG, KELANTAN


**NOTIS SEBUT HARGA KERJA
(SEBUT HARGA: MDGM/19/2026)**

**KERJA-KERJA MENAIKTARAF DATARAN KONKRIT SERTA KERJA-KERJA LAIN YANG
BERKAITAN DI R&R RANTAU MANIS, GUA MUSANG, KELANTAN**

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB beralamat di Negeri Kelantan dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam Gred sebagaimana berikut :-

**Kelas G3 Kategori C Pengkhususan CE01, CE34 dan;
Kategori E Pengkhususan E11**

2. Surat Kebenaran Khas CIDB adalah tidak dibenarkan. Kontraktor selain daripada yang berdaftar dalam Gred bagi kerja yang dipelawa adalah **TIDAK DIBENARKAN** menyertai sebut harga ini. Laporan kepada pihak berkenaan akan dilaksanakan oleh pejabat ini sekiranya terdapat kontraktor yang berbuat demikian.
3. Taklimat dan lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Hanya Penama Lesen sahaja dibenarkan untuk membuat pembelian Dokumen Sebutharga dan wakil adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Kontraktor dikehendaki membawa Sijil **ASAL** Perolehan Kerja Kerajaan CIDB (SPKK), Perakuan Pendaftaran Kontraktor CIDB (PPK) dan Sijil Taraf Bumi (STB) bersama-sama Kad Pengenalan (Asal) semasa membuat pembelian ini.
4. Harga Dokumen Sebut Harga adalah sebanyak **RM100.00 (Ringgit Malaysia: SATU RATUS SAHAJA)** dan akan mula dijual pada **06/09/2026 (Ahad)** sehingga **15/09/2026 (Selasa)** dari jam **9.00 pagi - 4.30 petang (Ahad-Rabu)** dan **9.00 pagi - 3.00 petang (Khamis)**.
5. Kontraktor dikehendaki mengemukakan perakuan/sijil asal PPK dan SPKK yang dikeluarkan oleh CIDB dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (jika berkenaan) bersama-sama dengan Dokumen Sebut Harga.
6. Satu (1) penyebut harga hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja. Sekiranya penyebut harga mengemukakan lebih daripada satu (1) tawaran, penyebut harga tersebut tidak akan dipertimbangkan. Tawaran alternatif juga adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
7. Dokumen Sebut Harga dalam bentuk salinan cetak yang telah dijilid dan diisi dengan lengkap berserta dengan dokumen yang dinyatakan di para 5 dan 6 hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertutup dengan mencatatkan TAJUK dan NO. SEBUT HARGA di bahagian atas sebelah kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Pejabat Majlis Daerah Gua Musang, Jalan Hospital, Bandar Baru, 18300 Gua Musang, Kelantan tidak lewat dari jam **12.00 tengah hari, Khamis, 17/9/2026**


MOHD SHUHAIRY BIN SAMSUDIN
Setiausaha,
Majlis Daerah Gua Musang
1/9/2026

